

RAHSIA AL-QURAN -DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

ARAK DAN JUDI RACUN MASYARAKAT!

Setengah daripada senjata penjajah yang membunuh jiwa anak negeri yang terjajah ialah arak dan judi dua penyakit masyarakat ini telah tersiar dengan hebatnya di dunia Islam sebagai hasil tamadun Barat sehingga telah tertanam di dalam jiwa kebanyakan orang-orang kita yang berpelajaran Barat bahawa jika kedua-dua perkara ini rasanya kita tidak payah meraba-raba mencari bukti kerana telah jelas terbentang boleh dipandang, didengar dan dipegang dengan tangan!

(oleh Abdullah Basmeh)

Di segenap kedai-kedai kopi, rumah-rumah makan, taman-taman hiburan dan di mana-mana jua – arak dan judi mendapat tempat yang istimewa. Sehingga kerap kali kejadian di majlis-majlis kahwin dan ketika menyambut Hari Raya yang mulia maka setengah daripada orang-orang Islam menyambutnya dengan berjamu arak bahkan pernah kejadian pegawai-pegawai tinggi Islam yang mewakili kerajaan-kerajaan Islam menyambut Hari Jadi Kemerdekaan mereka dengan “Cocktail Party” (majlis menonggang arak) yang sudah tentu akan dihari dan diteguk oleh sebahagian daripada dif-dif Islam pula!

Sebenarnya kejadian-kejadian tersebut bukan sahaja menghina bahkan mencearkan kesucian Islam. Maka tidak pelik kalau pendeta “Zoemer” seorang propagandis Eropah yang terkenal telah berkakok mengatakan orang-orang Barat telah menyerang dunia Timur bukan sahaja dengan senjata api bahkan dengan senjata halus yang menghancurkan kebudayaan dan membentuk jiwa orang-orang Timur dan Islam supaya memandang ke Barat dan menjadi pengkor kepada tiap-tiap gerak langkah orang-orang Barat!

Paluan Barat yang membunuh jiwa merosakkan akhlak

menghancurkan kebudayaan dan meruntuhkan hukum-hukum Islam. Sesungguhnya telah disedari oleh orang-orang yang berjiwa Islam, dan inilah yang menyebabkan Al-Alamah Muhammad Basyr Al-Ibrahim Al-Jazraei menulis:

“Penjajahanlah yang telah membawa bersama-sama ke dunia Timur akan alat-alat yang meruntuhkan ajaran-ajaran suci dan peradaban Islam. Penjajahanlah yang telah membawa guru-guru yang merosakkan cara berfikir. Buku-buku yang menanam perasaan syak ilmu pengetahuan yang melemahkan yakit surahhabar yang menyiarkan segala perkara yang keji. Filem-filem yang merosakkan akhlak, pelacur-pelacur yang merobohkan rumah tangga, pelakon-pelakon wayang yang melakonkan contoh tauladan yang buruk, penari-penari perempuan yang menggoda, arak yang membunuh ranahkan agama, badan, akal dan harta benda dan dah fahaman-fahaman kafir yang merosakkan iman!”

Arak dan judi yang saya pilihkan menjadi tajuk rencana ini sangat berbahaya dan besar bencananya kepada masyarakat.

Arak dan judi telah diharamkan oleh Islam dengan tidak boleh dicelahi sebarang takwil atau dalihan. Huraianya yang jelas terbentang di dalam kitab suci Al-Quran:

“*Yasahuunaka anil hamri wal maisiri qul fuhimaaa ithmun kabuurun*

wa manafiu linnas wa ismuhumaa akbaru min nafshimaa.” 219 Al-Baqarah.

“Mereka itu akan bertanya kepada engkau- hai Muhammad – dari hal arak dan judi. Katakanlah: Kedua-duanya mengandungi dosa yang amat besar dan manfaat-manfaat bagi manusia, dan dosa keduanya lebih daripada manfaatnya.”

Sebab turunnya ayat ini ialah disebabkan Saidina Umar dan beberapa sahabat yang lain telah bertanya kepada Nabi akan buruk baik arak itu.

Oleh kerana kedapatan ada di antara orang-orang Islam mengerjakan sembahyang dalam masa mabuk. Maka turun firmannya lagi:

“Ya aiyuhallazina aamanu ak taqrabu sallatu wa antum sukaaraa.”

42. An-Nisaa.

“Wahai orang-orang yang beriman jangan kamu hampiri sembahyang sedang kamu mabuk”

Akhirnya turunlah ayat yang menjadi kata pemutus berkenaan hukum arak judi dan lain-lainnya, firman-Nya:

“Ya ayyuha alladhina amanu innama al-khamru wa al-maysiru wa al-ansabu wa al-ansabu wa al-azlamu rijzun min ‘amali al-shaytan la’allakum tyflihun. Innama yuridu al-shayatin an yugia baynakum al-‘adawata wa al-bahgda’ fi al-khmarri wa al-maysir wa yasuddakum ‘an zikrillah wa ‘an al-salat fa hal antum muntahun.” 90.91 Al-Maidah.

“Hai sekalian orang yang beriman sesungguhnya arak judim berhala dan azlam (anak panah pengundi nasib) adalah keji daripada pekerjaan syaitan. Maka jauhilah kamu akan dia mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan. Hanya samya syaitan menghendaki supaya dihidupkannya perasaan permusuhan dan kebencian di antara kamu pada arak dan judi, dan juga hendak memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada sembahyang maka adakah kamu akan berhenti daripada mengerjakan larangan tersebut?”

Pada ketika itu setengah daripada orang-orang Islam telah gempar tertanya-tanya apa hal arak dan judi yang telah dihukumkan

najis dan haram pada hal telah diminum dan dimakan oleh sahabat-sahabat Nabi yang masih hidup atau yang telah syahid di medan-medan perang? Bagi menjawab kemusykilan ini maka turun firmannya:

“Laysa ‘ala alladhina wa ‘amalu al-salihat junahun fima ta’imū idha ma ittaqu wa amanu wa ‘amili al-salihat thumma al-taqqu wa ahsinu wa Allah yuhibbu al-musinin.”

93 Al-Maidah.

“Tidak ada dosa atas orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal salih pada barang yang mereka makan dalam masa yang lalu apabila mereka menjauhkan diri daripada segala yang dilarang dan beriman serta mengerjakan amal yang salih kemudian mereka menjauhkan diri daripada yang dilarang (seperti arak) dan beriman (dengan haramnya) kemudian mereka berkekalan menjauhkan diri daripada segala yang dilarang, lalu mereka mengerjakan perbuatan yang baik (berbakti) Allah mengasihi orang-orang yang berbakti.”

Takrif Arak

Takrif arak menurut hukum Islam ialah tiap-tiap benda yang memabukkan termasuk perahan-perahan anggur, tamar, gandum, nira kelapa dan sebagainya. Termasuk juga “bir” (Beer) dengan dalil hadith Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam, sabdanya:

“Kulla muskar khomri wakulla khomri haram”

“Tiap-tiap yang memabukkan itu arak dan tiap-tiap arak itu haram.” diriwayatkan oleh Muslim, Abu Daud dan Al-Tirmizi.

Abu Musa Al-Syarie telah meminta fatwa kepada Nabi berkenaan dua jenis minuman yang biasa diperah oleh kaumnya di negeri Yaman: Sejenis daripada madu dan yang satu lagi daripada gandum. Pada menjawabnya Nabi bersabda:

“Tiap-tiap yang memabukkan itu haram” diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad Al-Bukhari dan Muslim.

Punca Kejahanan

Setakat mana buruk dan kejinya arak kepada masyarakat telah dijelaskan oleh Rasulullah (SAW) sehingga telah dinamakkannya ibu segala yang keji” (Alkhomri am alhobais) diriwayatkan oleh Al-Tibrani daripada Abdullah Ibnu Umar.

Sedang dosanya telah ditetapkan di dalam Islam menjadi “sebenar-benar dosa besar” (*akbar al-kuba’ir*) sebagaimana sabda junjungan (SAW):

“Al-khamu am al-fawahish wa akbar al-kuba’ir wa man shariba al-khamra tanku al-salat wa waqa’a ‘ala ummihi wa khalatihi wa ‘ammatihi.”

Ertinya: “Arak itu ibu segala kejahanan dan dosa yang sebesar-besarnya barangsiapa yang meminum arak, dia telah meninggalkan sembahyang dan berzina dengan ibunya dan ibu saudaranya (sebelah ibu) serta ibu saudaranya (sebelah bapa).” Diriwayatkan oleh Al-Tibrani daripada Ibnu Umar.

Kedua-dua hadith yang dibentangkan di atas menurut huraian Al-Imam Al-Sayuti adalah hadith-hadith sahibh belaka.

Hukumannya Didera

Menurut keterangan hadith sahibh yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim: “Bahawa seorang peminum arak telah dibawa mengadap Rasulullah (SAW) dan orang itu telah disebat dengan pelepas kurma...”

Jumlah kali sebat itu telah dijelaskan oleh hadith “Anas” yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Muslim, Abu Daud dan Al-Tirmizi, mengatakan: “Seorang peminum arak telah dibawa mengadap Nabi lalu disebat dengan pelepas tamar empat puluh kali.”

Peminum dan Penjualnya Dilaknat

Imam Ahmad Al-Hakim dan Ibnu Haban telah menurunkan suatu hadith dengan sanad yang sahibh daripada Ibnu Abbas Radiallahu Anhuma bahawa Rasulullah (SAW) bersabda:

“Atani jibril fa qala ya muhammad inna Allah la’ana al-khamra wa ‘asiruha wa mu’tasaruhu wa sharihuha wa al-mahmulati ilayhi wa ba’i’uha

mubta’iha wa saqiba wa musqaha.”

Ertinya: “Telah datang kepada aku Jibrail lalu berkata: Ya Muhammad, sesungguhnya Allah telah melaknat akan arak dan orang yang memerahnya dan yang meminta diperahkan dan yang meminumnya, dan yang membawanya, dan yang menjualnya, dan yang membelinya, dan yang menuangkannya serta yang diminumkannya.”

Arak Berbahaya Kepada Kesihatan

Doktor-doktor yang insaf daripada orang-orang Barat telah menyiasat dan telah menerangkan bahawa arak itu berbahaya kepada tubuh manusia. Kata-kata yang demikian telah dibantah keras oleh taik-taik arak dengan alasan bahawa sejarah arak berlalu tua dan telah diminum oleh semua bangsa penduduk dunia hujah taik-taik arak ini telah dijawab oleh pihak yang mengatakan arak itu berbahaya. Katanya: “Tidakkah ada di antara semua bangsa manusia golongan-golongan: sesat, fasik, pendusta, penipu pandai, pencuri dan pengkhianat? Maka betapa pula taik-taik arak yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa itu hendak dijadikan hujah, dan dikatakan pula bahawa arak itu telah menjadi tabiat semula jadi umum manusia?”

Demikianlah sebahagian kecil daripada perbalahan orang-orang Barat zaman sekarang tentang arak dan bahaya kepada tubuh manusia. Pada hal perkara ini telah dijelaskan oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wasalam kira-kira seribu tiga ratus tahun dahulu bahawa arak itu berbahaya dan tidak boleh dijadikan ubat sekalipun. Bacalah huraianya di dalam hadith yang sahibh yang tersebut di dalam kitab sahibh Muslim (yang disyarahkan oleh Al-Imam Al-Nawawi muka 364) katanya: Suid telah bertanya kepada Nabi: Bolehkah ia menggunakan arak kerana ubat? Maka Nabi telah melarangnya dengan bersabda.

“Innahu laysa bi dawa’ wa lakinnahu da”

Ertinya “Arak itu bukanlah ubat tetapi ialah (bahaya yang membawa) penyakit”

Walaupun demikianlah berat hukumnya di dalam Islam, dan besar bencananya kepada masyarakat, serta buruk bahayanya kepada

kesihatan tubuh, tetapi kebanyakan orang-orang Islam kita masih tenggelam di dalam runtunan maksiat yang terkutuk ini. Tetapi apa yang hendak dipelikkan? Kerana itulah sifat orang-orang yang tidak beriman sebagaimana yang digambarkan oleh junjungan kita dengan sabdanya:

“la yazni al-zani hina yazni wa huwa mu’minun wa la yasriqu al-sariqu hina yasriku wa huwa mu’minun wa la yashribu al-khamra hina yashribuhu wa huwa mu’minun.”

Maksudnya:

“Orang yang berzina itu tidak akan berzina tatkala ia beriman, dan orang yang mencuri itu tidak akan mencuri tatkala ia beriman, dan si pemimin arak itu tidak akan meminumnya tatkala ia beriman”.

Jelasnya seseorang itu tidak akan tergemark melakukan salah satu maksiat yang tersebut melainkan ketika iman telah tercabut dari dalam hatinya. Nauzubillah min zalik.

Mudah-mudahan orang-orang kita yang telah terlanjur itu akan mendapat hidayah!

* * * *

(Perkara judi dan bencananya akan disiarkan dalam keluaran yang akan datang)



Bacalah buku-buku keluaran Qalam

Muhammad 4 penggal	sepenggal \$ 1.20
Baginda Ali Harimau Allah (Cetak yang kedua)	
2 penggal	sepenggal \$1.20
Abu Bakar (2 penggal)	sepenggal \$1.20
Aisyah (2 penggal)	sepenggal \$1.00
Melalui dua simpang jalan	\$0.70
Universiti Malaya	\$1.00
Kirimlah setem 5 sen kerana daftar buku-buku.	



BERHIJRAH

Sikap Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam berhijrah daripada Mekah ke Madinah Al-Munawarah bersama-sama sahabat karibnya Saidina Abu Bakar Al-Siddiq Radiallahu Anhu sesungguhnya akan berkekalan hidup di dalam hati orang-orang Islam seluruhnya menjadi kenang-kenangan kepada mereka dengan menggambarkan akidah yang kuat teguh, jiwa yang besar, perjuangan yang gagah dan iman yang mendalam yang tidak dapat digegar dan digoncang oleh penderitaan yang pahit yang telah diterima oleh junjungan dari kaum Jahiliyah penyembah berhala itu.

Hijrahnya Rasulullah ke Madinah telah tercatit di dalam lipatan sejarah sebagai suatu peristiwa yang penuh dengan keberanian dan pengorbanan yang cemerlang untuk membela agama Allah dan menegakkan kalimah Allah supaya berkekalan menyinari alam zaman berzaman.

Pada tiap-tiap tahun orang-orang Islam mengingati peristiwa yang bersejarah ini dengan sambutan yang selayaknya, yang menambahkan iman mereka terhadap kesucian agama Islam dan ketinggian darjat Rasulullah Alaihi Wasalam. Manakala orang-orang yang telah mengorbankan kepentingan mereka semata-mata kerana berjihad meninggikan Islam dan kaum Muslimin akan mengambil peluang pada bulan yang beriwayat ini menyeru orang-orang Islam amnya insaf dan sedar mengingati Islam di dalam zamannya yang cemerlang dahulu. Mengingati bagaimana luas perintahannya, bagaimana keadilan khalifah-khalifahnya, bagaimana elok akhlak pemeluk-pemeluknya, kesucian hati, teguh perdirian, dan cara hidup mereka yang sama rata sama rasa itu.

Pada tiap-tiap terbit bulan Muharram kedengaran orang-orang yang insaf menyeru: Bahawa orang-orang Islam tidak akan hidup dengan sempurna, tidak akan mencapai kemuliaan dan tidak akan mendapat sebarang kejayaan jika mereka tidak berpegang teguh kepada hukum-hukum Islam dan mengerjakannya terus menerus. Dengan cara yang demikian inilah peristiwa Hijrah Rasulullah (SAW) wajib diingati dan diperingati!